



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

UJIAN LASAK TERBUKA

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi memohon jawatan berikut:

PEMBANTU AWAM GRED H11 (KONTRAK / TETAP) (LELAKI / WANITA)

A.

JAWATAN	: PEMBANTU AWAM (LELAKI / WANITA)
KEKOSONGAN JAWATAN	: 144
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
TARAF JAWATAN	: KONTRAK / TETAP
GRED JAWATAN/GAJI	: GRED H11 RM1,218.00 – RM2,939.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dengan memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan Lulus (sekurang-kurangnya Gred E) dalam 4 subjek yang lain termasuk Matematik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **atau**
- Penilaian Menengah Rendah (PMR) dengan memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan Lulus (sekurang-kurangnya Gred D) dalam 4 subjek yang lain termasuk Matematik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- Memiliki lesen memandu kelas B2 / D.
Lesen memandu / Lesen memandu tempoh Percubaan (P) yang masih sah dan dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta memiliki kenderaan sendiri.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan ini hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

B. UMUR

Calon-calun hendaklah berumur 18 hingga 25 tahun pada tarikh Ujian Lasak Terbuka.

C. SYARAT PELANTIKAN

Calon-calun dikehendaki melayari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (www.dbkl.gov.my) untuk menyemak kelayakan dan melihat keseluruhan iklan bagi jawatan di atas.

D. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

Calon-calun dikehendaki membawa **dokumen asal dan salinan yang telah disahkan** seperti berikut semasa Ujian Lasak Terbuka:

- (i) **KAD PENGENALAN;**
- (ii) **SIJIL KELAHIRAN;**
- (iii) **SIJIL PENTAKSIRAN TINGKATAN TIGA (PT3) / PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR);**
***SLIP KEPUTUSAN PENTAKSIRAN TINGKATAN TIGA (PT3) / PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR) TIDAK DITERIMA;**
- (iv) **SIJIL DIGITAL LENGKAP VAKSINASI COVID-19;**
- (v) **LESEN MEMANDU KELAS B2 / D**
LESEN MEMANDU / LESEN MEMANDU TEMPOH PERCUBAAN (P) YANG MASIH SAH DAN DIKELUARKAN OLEH JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ);
- (vi) **SEKEPING GAMBAR TERBARU BERUKURAN PASPORT.**

CATATAN

- (i) Semua dokumen salinan yang dinyatakan di atas perlu disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 dan ke atas, Wakil Rakyat / Senator, Pesuruhjaya Sumpah, Penggawa / Penghulu / Temenggung / Ketua Kampung / Tuai Rumah / Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) / Ketua Kaum / Ketua Masyarakat / Penyelia Pembangunan Mukim (PPM). Pengesahan selain daripada kumpulan yang dinyatakan adalah tidak sah;
- (ii) Calon dikehendaki berpakaian t-shirt warna putih, seluar panjang sukan (*track bottom*) berwarna hitam dan kasut sukan;
- (iii) Kegagalan calon menyediakan dokumen yang dinyatakan di atas boleh mengakibatkan calon tidak dibenarkan untuk menjalani Ujian Lasak Terbuka ini; **dan**
- (iv) Hanya calon-calun yang berjaya melepasi semua peringkat Ujian Lasak Terbuka sahaja akan dipanggil ke peringkat seterusnya.

TARIKH BUKA IKLAN : 30 OGOS 2022 (RABU)

Iklan kekosongan jawatan ini juga dipaparkan di portal rasmi Internet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (www.dbkl.gov.my)

